

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN / KEMAMAN
(LPKTN/LPKMN)

DISEDIAKAN OLEH:
MOHD IZZUDDIN BIN HAJI NASARUDDIN
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(MARITIM)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)

1100039908

LI 34 FPE 2 2005



1100039908

Laporan akhir latihan industri di Lembaga pelabuhan
Kuantan/Kemaman (LPKTN/LPKMN) / Mohd Izzuddin Haji
Nasaruddin.

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100039908

Lihat sebelah

LJ
34
FPE
2
2005

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN / KEMAMAN (LPKtn / LPKmn)

Oleh

**MOHD IZZUDDIN BIN HAJI NASARUDDIN
Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100039908

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya Mohd Izzuddin Bin Haji Nasaruddin mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kustem tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan:



MOHD IZZUDDIN BIN HAJI NASARUDDIN

Tarikh: 24/11/2005

Disahkan Oleh:



TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN IBRAHIM
Penyelia KUSTEM
b/p Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang...

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah syukur ke hadrat-Nya kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, Laporan Akhir Latihan Industri (LI) di Lembaga Pelabuhan Kuantan / Kemaman (LPKtn / LPKmn) ini dapat disiapkan.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada keluarga saya kerana berkorban serta sentiasa memberi dorongan supaya menjadi insan yang berjaya dan berguna kepada keluarga, bangsa, agama, dan negara. Begitu juga kepada Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana memberi peluang kepada saya mengerjakan Latihan Industri selama 12 minggu (21/03/2005-12/06/2005). Penghargaan ini ditujukan kepada Penyelia LI (KUSTEM) Tuan Haji Abdul Rahim Ibrahim di atas tunjuk ajar beliau dalam memastikan laporan akhir ini dapat disiapkan dengan sempurna. Beliau sering membantu pelatih dari segi nasihat dan dorongan, idea, dan juga meluangkan masa untuk membantu pelatih dalam menyiapkan laporan akhir ini. Juga buat penyelaras Program Sarjana Muda Pengurusan Maritim Cik Wan Mariam Wan Abdullah dan serta kakitangan Jabatan Pengurusan dan Pemasaran, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi.

Juga sekalung budi dan setinggi penghargaan kepada Penyelia Industri Kapten Muhamad bin Haji A Rahman (Pengurus Bahagian Operasi/Kawal Selia),

Encik Ahmad Annuar bin Abu Bakar (Pengurus Bahagian Kewangan dan Pentadbiran), Encik Mohamad Puzi bin Mohamad Nazir (Pengurus Bahagian Khidmat Korporat), Encik Abdul Patah Bin Mohd Roslan (Penolong Pengurus Pentadbiran), Tuan Haji Rosli Bin Kamsi (Pengurus Cawangan GeoLogistic Malaysia), Tuan Haji Mohd Shamsol Bahrin Bin Mohd Kamil (Pengurus Lembaga Pelabuhan Kemaman) serta semua kakitangan setiap Bahagian di LPKtn dan LPKmn kerana banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada saya sepanjang tempoh Latihan Industri ini dijalankan. Budi baik yang diberi oleh pihak tuan dan puan tidak ternilai harganya.

Akhir sekali, juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Latihan Industri PGN 4799. Kerjasama daripada kalian semua amat saya hargai.

'Sekalung Budi Setinggi Harapan'

Mohd Izzuddin Bin Haji Nasaruddin.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	i
Isi Kandungan	iii
Senarai Rajah	vi
Ringkasan Eksekutif	vii

BAB 1

LATAR BELAKANG ORGANISASI LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN (LPKtn) / KEMAMAN (LPKmn)

1.1 Pengenalan Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn)	1
1.2 Penswastaan (LPKtn)	1
1.3 Sejarah Penubuhan (LPKtn)	2
1.4 Pembinaan (LPKtn)	3
1.5 Pemulihan Kemudahan Asas (LPKtn)	5
1.6 Pembangunan Kawasan (LPKtn)	6
1.7 Misi Dan Wawasan (LPKtn)	7
1.8 Slogan (LPKtn)	7
1.9 Logo (LPKtn)	7
1.10 Objektif (LPKtn)	8
1.11 Piagam Pelanggan (LPKtn)	8
1.12 Fungsi Dan Peranan (LPKtn)	9
1.13 Maklumat Organisasi (LPKtn)	12
1.14 Struktur Jemaah Lembaga (LPKtn)	12
1.15 Struktur Organisasi Bahagian (LPKtn)	13
1.15.1 Peranan Bahagian Operasi / Kawal selia	13
1.15.2 Peranan Bahagian Kewangan dan Pentadbiran	18
1.15.3 Peranan Bahagian Khidmat Korporat	19
1.16 Ikrar Perkhidmatan Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn)	20
1.17 Pengenalan Lembaga Pelabuhan Kemaman (LPKmn)	21
1.18 Misi (LPKmn)	22

1.19 Fungsi (LPKmn)	22
1.20 Struktur Jemaah Lembaga (LPKmn)	23
1.21 Struktur Organisasi Bahagian (LPKmn)	23
1.22 Pengurusan Pentadbiran dan Operasi (LPKmn)	24
1.23 Pembangunan Masa Hadapan (LPKmn)	26
1.24 Penswastaan (LPKmn)	26

BAB 2

PENGENALPASTIAN MASALAH

2.1.0 Pengenalpastian Masalah Di Bahagian Operasi / Kawal Selia (LPKtn)

2.1.1 Sistem Permohonan Penyimpanan Sementara Kargo Bahaya Kuantan Port Authority (KPA) Kumpulan II	27
2.1.2 Penemuan Masalah	32
2.1.3 Cadangan Penyelesaian Masalah	34
2.1.4 Implikasi Pelaksanaan Cadangan	35

2.2.0 Pengenalpastian Masalah Di Bahagian Kewangan Dan Pentadbiran (LPKtn)

2.2.1 Sistem Perakam Waktu (Punch Card)	36
2.2.2 Penemuan Masalah	38
2.2.3 Cadangan Penyelesaian Masalah	39
2.2.4 Implikasi Pelaksanaan Cadangan	41

2.3.0 Pengenalpastian Masalah Di Pusat Kawalan Pelabuhan LPKmn (Kemaman Port Control)	
2.3.1 Pengenalan kepada Pusat Kawalan Pelabuhan (LPKmn)	42
2.3.2 Penemuan Masalah	43
2.3.3 Cadangan Penyelesaian Masalah	45
2.3.4 Implikasi Pelaksanaan Cadangan	46
2.4.0 Ulasan Konsep Budaya Dan Motivasi Dalam Organisasi	
2.4.1 Pendefinisan Konsep Budaya Organisasi	47
2.4.1.1 Konsep Pembentukan Budaya	51
2.4.2 Pendefinisan Konsep Motivasi	53
BAB 3	
PENUTUP	55
RUJUKAN	58
LAMPIRAN	60

SENARAI RAJAH

<u>RAJAH</u>	<u>MUKA</u>	<u>SURAT</u>
RAJAH 1.1: Carta Organisasi Bahagian Operasi / Kawal selia LPKtn		14
RAJAH 1.2: Carta Organisasi Bahagian Kewangan dan Pentadbiran LPKtn		15
RAJAH 1.3: Carta Organisasi Bahagian Khidmat Korporat LPKtn		16
RAJAH 1.4: Carta Organisasi Kontrak Pengurusan LPKmn		25
RAJAH 2.1: Proses Pemohonan Penyimpanan Sementara Kargo Bahaya KPA Kumpulan II		33
RAJAH 2.2: Proses Perakam Waktu (Punch Card)		37

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri (PGN 4799) merupakan salah satu syarat wajib yang perlu di ambil oleh mahasiswa bagi memenuhi jam kredit di dalam bidang masing-masing di samping perlu menyediakan Laporan Akhir Latihan Industri. Selama 12 minggu pelatih di tempatkan di sebuah organisasi yang berkaitan bagi menjalani Latihan Industri untuk memperoleh pengalaman di tempat kerja dan pendedahan latihan pengajaran serta mempraktikkan teori yang diajar semasa kuliah. Laporan Akhir Latihan Industri ini secara keseluruhannya dirangka hasil daripada penglibatan pelatih dalam organisasi melalui pengamatan, pemerhatian, pemahaman dan temu bual oleh pelatih sepanjang tempoh Latihan Industri tersebut. Secara umumnya Laporan Akhir Latihan Industri ini mengandungi tiga bab utama iaitu Bab Satu, Bab Dua, dan Bab Tiga. Di awal Bab Satu ini menyentuh tentang pengenalan kepada sejarah penubuhan Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn), pembinaan Pelabuhan Kuantan, latar belakang, misi dan visi, fungsi dan peranan LPKtn. Di dalam Bab Satu ini juga terkandung latar belakang Lembaga Pelabuhan Kemaman (LPKmn). Manakala di dalam Bab Dua pula menyatakan tentang analisa sistem kerja yang sedia ada yang diguna oleh organisasi bagi memastikan perjalanan kerja dapat dilakukan dengan sistematik dan teratur. Juga turut mengetengahkan masalah dan kelemahan sistem kerja tersebut dan berserta dengan cadangan dan pandangan idea bagi membantu organisasi dalam meneruskan tanggungjawabnya. Pada Bab Dua ini juga turut mengulas tentang pendefinisan konsep budaya dan motivasi dalam sesebuah organisasi, di harap dapat menjadi rujukan yang berguna kepada organisasi LPKtn. Pada Bab Tiga, adalah kesimpulan secara keseluruhan bagi menutup Laporan Akhir Latihan Industri.